Perutusan Gabenor

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pada tahun 2008, persekitaran ekonomi dan kewangan global semakin sukar apabila keadaan peningkatan tekanan inflasi berikutan kenaikan mendadak harga global bahan api dan komoditi pada separuh tahun pertama beralih kepada keadaan kelembapan ekonomi global yang teruk pada separuh kedua tahun itu. Meskipun eksport dan pengeluaran perindustrian mengalami kemerosotan pada bahagian akhir tahun, negara terus mencatat pertumbuhan ekonomi sebanyak 4.6% pada tahun 2008 berikutan pertumbuhan yang kukuh pada separuh pertama tahun tersebut.

Ekonomi global dijangka terus mengalami kemerosotan yang ketara pada tahun 2009, dengan semua ekonomi negara maju mengalami penguncupan yang mendadak. Sehingga kini, tidak terdapat tanda-tanda yang menunjukkan krisis kewangan global akan reda. Kelewatan untuk menangani kesukaran yang dihadapi sektor kewangan di beberapa ekonomi negara maju telah meningkatkan prospek kemerosotan ekonomi yang lebih berpanjangan dan mendalam. Pengalaman krisis kewangan Asia lebih sedekad yang lalu menunjukkan bahawa penyelesaian terhadap masalah sektor kewangan memerlukan langkah yang komprehensif bagi memulihkan kestabilan sistem kewangan. Unsur-unsur penting bagi pemulihan ekonomi adalah dengan memulihkan proses pengantaraan kewangan dan penjanaan semula aktiviti pemberian pinjaman. Meskipun beberapa langkah rangsangan telah dilaksanakan bagi menangani kesan kemerosotan ekonomi di seluruh dunia, namun kesan sepenuhnya daripada langkah-langkah ini akan mengambil masa.

Kemerosotan yang ketara dalam ekonomi negara maju, terutamanya aktiviti sektor swasta yang lumpuh, mengakibatkan aliran perdagangan dan pelaburan global makin teruk terjejas. Ekonomi Asia juga terjejas disebabkan oleh kesalinghubungan perdagangan dan pelaburan antarabangsanya yang kukuh. Sebilangan ekonomi Asia sudah pun mengalami kemelesetan, manakala sebilangan lagi mencatat pertumbuhan yang sangat sederhana. Sistem kewangan yang secara relatif kukuh, dan dasar monetari dan fiskal yang meluas, yang telah diambil oleh ekonomi serantau, bagaimanapun, dijangka menyumbang ke arah meredakan sebahagian daripada kesan kelembapan ekonomi global di rantau ini.

Tahun 2009 akan menjadi tahun yang amat mencabar buat ekonomi Malaysia memandangkan lebih banyak ekonomi dunia mengalami kemelesetan. Meskipun ekonomi dalam negeri terjejas akibat daripada perkembangan global yang teruk sejak separuh kedua tahun 2008, ekonomi negara dijangka akan mengalami impak kemelesetan global sepenuhnya pada tahun 2009. Jika diambil kira semua langkah yang dilaksanakan bagi menyokong permintaan dalam negeri, pertumbuhan KDNK benar diunjurkan antara -1% hingga 1%. Unjuran ini juga tertakluk kepada syarat bahawa ekonomi yang dilanda krisis akan menjadi stabil pada separuh kedua tahun ini. Ini akan memerlukan pelaksanaan langkah penyelesaian dan rangsangan yang berkesan. Sekiranya masalah sektor kewangan global masih belum dapat diatasi, keadaan dijangka menjadi bertambah buruk.

Bagi ekonomi dalam negeri, peningkatan kapasiti untuk permintaan dalam negeri, yang telah dibina sejak beberapa tahun, mempunyai potensi untuk terus meningkat pada masa hadapan. Di samping itu, satu lagi faktor penting yang akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, ialah tahap pempelbagaian ekonomi yang tinggi, dari segi eksport dan pasaran, serta kepelbagaian aktiviti berorientasikan pasaran dalam negeri. Trend ini perlu dipertingkatkan dan terus diperkukuh, termasuk perdagangan negara dengan ekonomi sedang membangun lain terutamanya di Asia. Strategi yang diambil adalah untuk memberikan sokongan kepada permintaan dalam negeri bagi mengurangkan tahap kemerosotan ekonomi. Terdapat dua faktor penting dalam menyokong permintaan dalam negeri. Pertama, keadaan monetari dan pembiayaan yang menyokong permintaan dalam negeri. Kedua, peranan dasar fiskal dalam menyokong permintaan dalam negeri dan menempatkan Malaysia pada kedudukan yang berupaya menjana semula pertumbuhan apabila keadaan ekonomi global kembali stabil.

Dalam persekitaran berubah-ubah yang mencabar ini, tindak balas dasar monetari adalah bersifat pandang ke hadapan. Persekitaran monetari yang akomodatif telah dikekalkan pada separuh pertama tahun 2008 meskipun wujudnya peningkatan tekanan inflasi berasaskan penawaran. Imbangan risiko terhadap pertumbuhan dan inflasi menjadi genting dan ketara apabila inflasi melonjak disebabkan oleh pelarasan besar terhadap harga bahan api pada bulan Jun 2008, yang mengakibatkan kejutan deflasi kepada ekonomi negara. Penilaian yang telah dibuat, bagaimanapun, menunjukkan bahawa imbangan risiko beralih daripada inflasi yang lebih tinggi kepada pertumbuhan yang lebih perlahan pada bahagian akhir tahun 2008. Inflasi keseluruhan ternyata terus menjadi sederhana, daripada paras 8.5% pada bulan Julai 2008 kepada kurang daripada 4% menjelang awal tahun 2009. Trend menurun ini dijangka berlanjutan, dengan unjuran inflasi keseluruhan kini menurun dengan nyata kepada purata kurang daripada 2% pada tahun 2009. Dengan mengambil kira risiko bahawa pertumbuhan akan merosot dengan lebih teruk seiring dengan kemerosotan persekitaran global, maka tindakan dasar monetari telah dilaksanakan lebih awal. Sejak bulan November 2008, Kadar Dasar Semalaman (OPR) telah dikurangkan sebanyak 150 mata asas kepada 2% dan Keperluan Rizab Berkanun dikurangkan sebanyak 3 mata peratusan bagi mengurangkan lagi kos pengantaraan.

Melangkah ke hadapan, tumpuan akan diberikan pada usaha memastikan akses kepada pembiayaan yang berterusan. Sistem perbankan domestik yang kukuh berserta mudah tunai yang lebih daripada mencukupi adalah penting bagi memastikan akses kepada pembiayaan tidak terjejas. Beberapa langkah telah diperkenalkan bagi meningkatkan lagi akses kepada pembiayaan bagi kesemua sektor ekonomi. Ini termasuk penubuhan dana-dana khas, kemudahan jaminan pembiayaan untuk perusahaan perniagaan, mudah tunai yang mencukupi termasuk ketersediaan dolar Amerika Syarikat (AS) bagi pembiayaan perdagangan, dan penubuhan Institusi Jaminan Kewangan yang menawarkan penambahbaikan kredit kepada syarikat yang ingin memperoleh dana dalam pasaran bon domestik.

Dalam persekitaran ekonomi global yang sentiasa berubah-ubah dan pasaran kewangan antarabangsa yang tidak menentu, rejim kadar pertukaran mata wang asing yang fleksibel membolehkan Malaysia membuat penyesuaian dan menghadapi perkembangan antarabangsa, di samping mewujudkan kestabilan kadar pertukaran mata wang berbanding dengan rakan-rakan dagangan utama negara. Kadar pertukaran merupakan faktor yang penting bagi ekonomi Malaysia yang sangat terbuka. Kadar pertukaran yang turun naik dengan keterlaluan akan menyebabkan kesan gangguan yang ketara kepada perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Dasar Bank adalah untuk terus memelihara keadaan pasaran pertukaran asing ringgit yang teratur bagi memudahkan perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Meskipun kadar pertukaran lebih dipengaruhi oleh aliran modal dalam persekitaran semasa, namun ia masih disokong oleh kedudukan luaran yang kukuh.

Krisis yang sedang melanda ini memperlihatkan manfaat dan kepentingan untuk meningkatkan tahap kerjasama serantau, khususnya dalam menggembleng pengawasan bersama terhadap perkembangan serantau dan mewujudkan mekanisme bagi pengurusan krisis dalam kalangan bank pusat di rantau ini. Usaha kerjasama yang digembleng ini adalah meluas. Kemajuan penting yang telah dicapai ialah penubuhan mekanisme pengawasan serantau yang bersepadu, yang melaksanakan fungsi pengurusan risiko yang berwaspada, di samping pewujudan pengurusan krisis bersepadu dan mekanisme penyelesaian krisis di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Kestabilan Monetari dan Kewangan Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP). Langkah-langkah juga sedang diambil untuk meningkatkan mekanisme sokongan mudah tunai dalam Inisiatif Chiang Mai dengan hala tuju ke arah multilateralisasi yang membolehkan pengumpulan dan penggunaan sokongan mudah tunai secara berkesan dalam kalangan negara anggota. Di samping itu, pengaturan dua hala telah diwujudkan di rantau ini. Pada awal tahun ini, Bank Negara Malaysia dan People's Bank of China telah mengadakan pengaturan swap mata wang dua hala untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan dua hala.

Tahun ini merupakan tahun ke 50 Bank Negara Malaysia beroperasi sebagai bank pusat. Kita boleh menoleh ke belakang dan berbangga dengan sumbangan kita memelihara kestabilan monetari dan kewangan dan membangunkan sistem kewangan yang komprehensif di dalam negara. Usaha ini juga termasuk pemodenan Bank bagi memastikan kita terus efektif dalam persekitaran yang pesat berubah. Pada tahun 2008, usaha berterusan telah ditumpukan ke arah menjadikan Bank sebuah organisasi yang lebih berasaskan strategi dan prestasi. Pada tahun ini, penghasilan Pelan Bisnes 3 tahun mengandungi keutamaan-keutamaan Bank, hasil strategik yang ingin dicapai dan penjajaran sumber dalaman Bank yang berkesan untuk merealisasikan pelan ini. Dalam aspek pengurusan tenaga mahir, tumpuan terus diberikan pada usaha memastikan pembangunan tenaga mahir bagi penggantian kepemimpinan dan bagi tujuan pengurusan prestasi.

Sebagai sebahagian daripada pemodenan Bank, Akta Bank Negara Malaysia yang baharu akan dibentangkan di Parlimen pada tahun ini. Akta yang dicadangkan ini melibatkan kajian semula yang komprehensif terhadap mandat Bank dan rangka kerja tadbir urus, akauntabiliti

dan perundangan Bank. Akta yang dicadangkan ini bertujuan memberikan kejelasan yang lebih baik terhadap peranan dan fungsi Bank yang sedia ada dan juga memberi Bank kuasa dan instrumen yang diperlukan bagi melaksanakan peranan dan fungsinya secara berkesan. Akta yang dicadangkan ini juga akan menginstitusikan banyak amalan yang telah diperkenalkan sejak sedekad yang lalu. Di samping itu, rangka kerja tadbir urus Bank akan diperkukuh melalui Akta yang dicadangkan ini untuk mempertingkatkan akauntabiliti, profesionalisme dan ketelusan.

Pengalaman selama 50 tahun dalam memelihara kestabilan monetari dan kewangan serta menyokong kemampanan pembangunan ekonomi telah memperlihatkan banyak cabaran yang memberikan pengajaran yang berguna. Tahun 2009 sekali lagi merupakan tahun yang amat mencabar, yang menuntut kesediaan, kapasiti dan keupayaan Bank untuk memelihara kebajikan negara dalam mengharungi detik-detik yang sukar ini. Dengan tradisi keazaman yang kuat, Bank akan terus memberikan tumpuan terhadap pencapaian matlamat ini.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor

25 Mac 2009